

15/12/1998

Tindakan terhadap pemaju menipu

KUALA LUMPUR, Isnin - Tindakan akan diambil terhadap pemaju yang cuba menipu dan menaikkan harga rumah sewenang-wenangnya sepanjang kempen besar-besaran bagi menggalakkan pemilikan rumah di kalangan rakyat selama sebulan sehingga 12 Januari ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata orang ramai perlu membuat laporan kepada pihak berkuasa jika ada pemaju melakukan amalan tidak beretika.

Beliau berkata, kerajaan difahamkan harga rumah tidak akan dinaikkan dan dengan itu, Bank Negara serta pihak berkuasa berkaitan akan mengambil tindakan terhadap pemaju yang menyertai kempen ini jika didapati mereka berbuat demikian.

Katanya, pihak pemaju melalui Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) sudah memberi jaminan untuk memberi diskaun 10 peratus kepada pembelian dan tambahan lima peratus bagi Bumiputera.

"Jika ada kes pemaju disyaki menipu, kita ingin tahu supaya pihak kerajaan dapat mengambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah bagi Menara Great Eastern Life Assurance (M) Bhd di Ampang dekat sini hari ini.

Kempen itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lalu. Setakat ini, lebih 260 pemaju menyertai kempen itu yang juga bertujuan untuk memulihkan sektor hartanah yang membabitkan komitmen kerajaan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (Bank Negara), HDAM, Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Institusi Kewangan.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, pemaju yang menyertai kempen itu juga berjanji akan mengadakan pameran dalam minggu ini yang akan bertindak sebagai pusat setempat bagi membantu orang ramai dalam pembelian unit rumah.

Katanya, pameran seperti ini akan membantu mengelak sebarang amalan tidak beretika kerana ia membolehkan bakal pembeli rumah untuk membandingkan harga, lokasi dan kemudahan ditawarkan pemaju.

Beliau berkata, pameran itu juga memudahkan pembeli untuk memohon pinjaman perumahan daripada bank, syarikat kewangan dan bahagian pinjaman perumahan kerajaan termasuk bagi membuat pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Mustapa juga berkata, kerajaan ingin mempergiatkan semula sektor pembinaan supaya ia kembali rancak bagi merangsang kegiatan ekonomi.

"Dalam tahun ini, sektor pembinaan menurun kira-kira 20 peratus tetapi tahun depan kita jangka penurunan itu berkurangan, mungkin kurang 10 peratus. Sektor ini amat penting dan mempunyai rantai kuat dengan sektor lain," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata sektor pembinaan menyumbang kepada kira-kira lima peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan ribuan peluang kerja.

Beliau menyifatkan pembinaan bangunan syarikat insurans itu sebagai tepat pada masanya kerana ia akan dapat membantu merangsang sektor pembinaan dengan pelaburan membabitkan RM280 juta.

(END)